



KEMENTERIAN  
**WILAYAH**  
PERSEKUTUAN

## **TEKS UCAPAN**

**YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM  
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

## **SEMPENA**

**MAJLIS TOPPING OFF  
RESIDENSI WILAYAH KELUARGA MALAYSIA  
- RESIDENSI SKYAWANI 3**

**29 NOV 2021 | 11 PAGI**

**RESIDENSI SKYAWANI 3, WP KUALA LUMPUR**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.**

- 1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dapat kita semua berkumpul hari ini.**
- 2. Terima kasih kepada SkyWorld Development Sdn Bhd kerana menjemput saya untuk hadir pada majlis 'Topping Off' Residensi SkyAwani 3. Ini adalah tanda kejayaan awal untuk SkyAwani 3 apabila ia telah mencapai tahap siap 'super-structure' sepenuhnya.**
- 3. SkyAwani 3 adalah projek Residensi Wilayah Keluarga Malaysia yang ketiga oleh SkyWorld selepas Residensi SkyAwani dan SkyAwani II di Sentul. Saya dimaklumkan kesemua 1,905 unit kediaman berjaya dijual pada Jun 2019 lalu.**
- 4. Tahniah SkyWorld, KWP dan DBKL di atas semua usaha serta perancangan bagi memastikan jualan kediaman ini diselesaikan sepenuhnya, dan juga atas usaha yang digembung secara bersama dalam menjayakan program Residensi Wilayah Keluarga Malaysia ini.**

**4. Residensi Skyawani 3 adalah projek pembangunan di atas tanah berkeluasan 4.45 ekar, berharga RM300,000 seunit dengan keluasan 800 kaki persegi. Kalau mengikut perancangan, SkyAwani 3 dijangka siap pada April tahun hadapan.**

**Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,**

**6. Penekanan kepada kualiti binaan SkyAwani 3 yang mengikut piawaian Sistem Penilaian Kualiti dalam Pembinaan (QLASSIC) daripada CIDB, wajar dicontohi pemaju Residensi Wilayah Keluarga Malaysia lain. Saya percaya projek yang dibangunkan ini akan meningkat tinggi nilai pasarnya dan boleh dikatakan ‘value for money’ kepada pembeli-pembelinya.**

**7. SkyWorld turut mempunyai beberapa lagi projek Residensi Wilayah Keluarga Malaysia dengan jumlah keseluruhan setakat ini hampir 6,236 unit. Saya difahamkan SkyAwani 4 dan 5 juga telah habis dijual. Siri Awani seterusnya pula difahamkan kini berada di peringkat perancangan dan akan ditawarkan kepada orang awam pada masa akan datang.**

**Tuan-tuan dan puan-puan,**

**8. Sebelum menutup kata, ingin saya berkongsi sedikit pencapaian Residensi Wilayah Keluarga Malaysia terkini iaitu sehingga November 2021, sebanyak 62,836 unit rumah melibatkan 102 projek telah mendapat kelulusan untuk pembinaan di Wilayah Persekutuan. Daripada jumlah itu, 95 projek adalah di Kuala Lumpur, 3 projek di Putrajaya dan 4 projek di Labuan.**

**9. Sasaran Residensi Wilayah Keluarga Malaysia adalah 80 ribu unit dalam tempoh 10 tahun; 2018-2028. Di mana setiap tahun sebanyak 8,000 unit perlu disediakan.**

**10. Kita yakin dengan usaha KWP dan agensi-agensi di bawahnya serta kerjasama daripada pemaju swasta, kita akan mampu mencapai sasaran yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, yang paling penting adalah usaha berterusan semua pihak dalam memastikan segala projek yang diluluskan tersebut diterjemahkan kepada pemilikan oleh rakyat yang berkelayakan.**

**10. Maka dengan lafadz Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan Majlis Topping Off Residensi SkyAwani 3. Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.**